

## Ucapan Alu-aluan

**Yang Berbahagia  
Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc  
Pengerusi, CIDB Malaysia**

**Majlis Pelancaran QLASSIC Day 2019**

**Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)  
21 Mac 2019 (Khamis)**

---

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama meraikan **QLASSIC Day 2019**.
  
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), saya ingin mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian, terutamanya kepada tetamu kehormat kita **Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya** kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita untuk melancarkan majlis pada hari ini dan menyampaikan Anugerah Pencapaian QLASSIC kepada mereka yang berjaya. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan strategik CIDB yang akan menandatangani Akujanji kerjasama QLASSIC pada hari ini, daripada Bahagian Perancangan Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Bahagian Pengurusan Perumahan, Jabatan

Perumahan Negara (JPN), Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia JPN, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam usaha untuk menerajui pembangunan industri pembinaan, CIDB Malaysia sentiasa komited untuk memantapkan lagi inisiatif-insiatif bagi meningkatkan kualiti dalam industri pembinaan. Oleh itu, Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan (QLASSIC) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai kualiti hasil kerja pembinaan bangunan berdasarkan Standard Industri Pembinaan (CIS 7).
4. Sistem QLASSIC ini membolehkan kualiti hasil kerja pembinaan bagi sesuatu projek dinilai secara objektif melalui sistem pemarkahan. Dengan pelaksanaan ini, proses pengawalan ke atas kualiti hasil kerja sesebuah projek pembinaan bangunan adalah lebih efektif. Malah, QLASSIC juga boleh dijadikan sebagai kriteria pematuhan kualiti untuk mengenalpasti prestasi kontraktor dan juga projek.
5. Bagi memupuk kepentingan kualiti dalam pembinaan, penilaian QLASSIC ini berteraskan prinsip *Do it Right the First Time*. Ini bermaksud, penilaian hanya boleh dilakukan sekali sahaja untuk menggalakkan penekanan aspek-aspek kualiti seawal peringkat perancangan dan pembinaan, bukan sahaja selepas bangunan disiapkan. Sekiranya penambahbaikan dilakukan selepas penilaian dibuat, perubahan tersebut tidak diambil kira.
6. Sehubungan dengan itu, terdapat pemilik projek yang mendapatkan latihan daripada pihak CIDB untuk melatih pasukan kualiti

mereka sendiri untuk memantau dan membuat penilaian asas ke atas projek, sebelum penilai QLASSIC yang dilantik oleh CIDB datang untuk memberi penilaian muktamad. Penilaian ini bertujuan untuk membantu pemilik projek meningkatkan kualiti pembinaan projek masing-masing. Oleh itu, CIDB sedia membantu dan memberikan bimbingan kepada mana-mana pihak yang ingin mendapatkan latihan QLASSIC.

7. Bagi mengukuhkan lagi impak pelaksanaan QLASSIC, CIDB turut menjalankan seminar untuk meningkatkan kesedaran mengenai kualiti di dalam industri pembinaan serta bimbingan kepada penggiat industri dan orang awam. CIDB juga meneruskan promosi QLASSIC di dalam radio bagi memberi kesedaran pemilik rumah tentang kebaikan membeli rumah yang telah dinilai dengan QLASSIC.

8. QLASSIC Day ini juga diadakan sebagai salah satu cara mempromosi QLASSIC dan juga memberi pengiktirafan kepada pemilik serta projek-projek yang berjaya mencapai prestasi tinggi dalam mutu dan kualiti kerja pembinaan bangunan. Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2014, acara ini dilihat dapat memberikan galakan dan motivasi kepada penggiat industri untuk memantapkan lagi mutu pembinaan mereka dengan penilaian QLASSIC.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Sejak QLASSIC diperkenalkan, didapati lebih banyak pemilik projek dari sektor swasta yang tampil menggunakan QLASSIC. Namun dengan sokongan agensi-agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bakal dimeterai hari ini, saya pasti kita akan melihat lebih ramai pemilik projek dari sektor awam yang akan

melaksanakan QLASSIC untuk mengukur kualiti hasil kerja di dalam projek-projek mereka.

10. Saya yakin dengan sokongan yang padu daripada kedua-kedua sektor ini, kita dapat merealisasikan matlamat untuk membudayakan Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme di dalam industri pembinaan negara, selaras dengan aspirasi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

11. Sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya di atas kesudian beliau untuk bersama-sama dalam meraikan pencapaian QLASSIC dan seterusnya.

12. Sekalung tahniah juga saya zahirkan kepada penggiat industri pembinaan yang mendapat pencapaian QLASSIC yang cemerlang pada hari ini. Syabas diucapkan! Dengan kejayaan yang dirakan hari ini, saya berharap agar lebih ramai lagi penggiat industri mendapatkan penilaian QLASSIC, sekaligus mempertingkatkan kualiti dan mutu kerja industri pembinaan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.